

Headline	Pupuk budaya sihat Rubiah		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	09 Apr 2014	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	6	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 577
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,732



SELAMAT DATANG ... Rubiah Haji Wang bersalaman dengan siswa-siswi pendidik dari IPGKTAR pada majlis Penutupan KOT Ke-14 IPGKTAR di Kota Samarahan, baru-baru ini. Turut kelihatan, Hamsiah Abdullah Masni.

Pupuk budaya sihat – Rubiah

KOTA SAMARAHAN, Selasa — Penganjuran program Larian Merentas Desa 2014 dan Kejohanan Olahraga Tahunan (KOT) kali ke-14 Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR) yang berlangsung baru-baru ini, disifatkan sebagai usaha yang perlu diteruskan pada masa hadapan.

Ahli Parlimen Kota Samarahan, Rubiah Haji Wang menyifatkan program sebagai landasan untuk warga pendidik berhimpun dalam satu acara yang bukan sahaja bermatlamat untuk memupuk amalan budaya yang hidup sihat. Malahan, katanya, ia mendorong kepada pembentukan modal insan yang cergas serta berkemahiran tinggi.

"Ini adalah selaras dengan pelan tindakan kerajaan

di bawah Strategi Lautan Biru (NBOS) yang bertujuan mendidik dan menggalakkan pembinaan keupayaan warga pendidik dalam kesukuan selain bidang akademik.

"Justeru, saya menyambut baik program ini dan berharap supaya ia akan diperhebatkan lagi pada masa hadapan dalam usaha merencanakan peranan IPG di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa menyempurnakan majlis Penutupan KOT Ke-14 IPGKTAR di Kota Samarahan, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah IPGKTAR, Hamsiah Abdullah Masni melahirkan terima kasih kepada semua pihak yang turut serta menjayakan program itu demi merealisasikan hasrat IPG Malay-

sia menjadi institusi perguruan sukan yang berkualiti.

"Program ini merupakan salah satu usaha untuk membangkitkan semangat kesukuan dalam kalangan siswa-siswi pendidik IPGKTAR," ujarinya.

Ini kerana, kata Hamsiah, KOT yang diadakan secara tahunan bertujuan untuk memperlihatkan kualiti kesukuan IPGKTAR yang menyentuh aspek kejurulatihan dan juga pengurusan penganjuran sesebuah aktiviti.

Turut serta mengambil acara dalam KOT itu adalah termasuk IPG Kampus Batu Lintang, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kota Samarahan.